

21 JUN 2000

Abu Hassan-ASM

MINAT DALAM SKIM AMANAH BANTU SELANGOR HAPUS KEMISKINAN

SHAH ALAM, 21 Jun (Bernama) -- Minat yang menggalakkan di kalangan rakyat Selangor melabur dalam skim-skim amanah saham termasuk Amanah Saham Malaysia (ASM), akan membantu kerajaan negeri merealisasikan hasrat untuk menghapuskan kemiskinan menjelang tahun 2001, kata Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Katanya beliau berharap lebih ramai rakyat Selangor melabur dalam pelbagai tabung amanah kendalian Permodalan Nasional Berhad memandangkan ia menjamin pulangan yang baik.

"Saya sukacita melihat pelabur-pelabur Selangor mendahului negeri-negeri lain dari segi nilai pelaburan dalam ASM dan berharap agar trend ini berterusan supaya kita dapat capai sasaran kemsikinan sifar menjelang tahun 2001," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen ASM peringkat negeri di sini hari ini

Sebanyak 48,556 pelabur dari Selangor telah melabur RM430 juta dalam skim ASM setakat ini manakala daripada pelaburan RM33 billion dalam pelbagai skim yang dilancarkan PNB setakat ini, pelabur Selangor telah melabur RM3.8 billion atau 11.5 peratus.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan ASM pada 20 April lepas dan dua billion unit saham yang ditawarkan di bawah skim itu telah habis dijual dalam masa 20 hari selepas dilancarkan. Untuk memberi peluang kepada yang tidak dapat membeli, PNB kemudiannya menawarkan satu billion unit saham sebagai tambahan.

Abu Hassan berkata kerajaan negeri yakin kadar kemiskinan 1.2 peratus yang dicatatkan pada 1997 akan dapat dihapuskan jika minat pelaburan yang menggalakkan di kalangan penduduk Selangor itu berterusan.

Beliau juga berkata sehingga 31 Mei tahun ini, seramai 4,482 orang rakyat miskin di Selangor telah melabur RM22.41 juta dalam skim Amanah Saham Bhd (ASB) dengan bantuan dari Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata harga saham yang menurun sekarang tidak membimbangkan PNB kerana semua pelaburannya adalah untuk jangka panjang.

"Lagi pun, sebelum PNB membuat pelaburan, ia akan mengkaji dahulu asas kekuatan sesebuah syarikat," katanya.

-- BERNAMA

KM MAI